

NO. SOALAN: 397

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

TARIKH :

RUJUKAN : 10451

SOALAN:

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keberkesanan '*Second-hand Dealers Act 1946*' dalam membanteras pencurian kabel di Sarawak setelah ianya diterima pakai di Sarawak pada 2 April 2014. Senaraikan, sehingga kini, jumlah permohonan serta permohonan yang telah diluluskan di kawasan Parlimen Stampin serta kawasan Parlimen Bandar Kuching. Senaraikan juga jumlah penangkapan serta penyiasatan yang telah pun dilaksanakan.

JAWAPAN:

Akta Peniaga Sekendhend 1946 (*Second-hand Dealers Act*) untuk mengekang kecurian dan aktiviti-aktiviti haram yang berkaitan dengan barang terpakai telah diwartakan pada 16 Disember 2014.

Sebanyak 101 permohonan perniagaan barang-barang terpakai bagi Bandar Kuching dan Stampin telah diluluskan sejak tahun 2014 hingga Oktober 2017, di mana 90 permohonan telah diluluskan, 6 permohonan ditolak manakala 5 permohonan masih dalam proses.

Sehingga Oktober 2017, sebanyak 48 dan 75 buah premis perniagaan barang-barang terpakai di Kuching dan Stampin telah disiasat.